



YANG DIPERTUA

مجلس فريندرن قاسير كودغ

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

Aras 19, Menara Aqabah,
Jalan Bandar,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR

Telefon: 07-2547777/07-2513720

Faks: 07-2515260

Laman Web: www.mppg.gov.my

E-mel: mppg@johor.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MPPG:JPPH/SW/2/2.70 Jld (24)
Tarikh : 14 Mac 2019
7 Rejab 1440H

Encik Shahul Hameed Dawood
Presiden
My Events International No. 73, Jalan TPK 2/8
Taman Perindustrian Kinrara
47180 Puchong, Selangor

Tuan,

**PENANGGUHAN PENYEWAAN STADIUM PERBANDARAN PASIR GUDANG
BAGI PENGANJURAN KONSERT MAHER ZAIN MALAYSIA TOUR 2019
PADA 15 MAC 2019 OLEH MY EVENTS INTERNATIONAL**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk, surat daripada Pejabat Daerah Johor Bahru, No. Rujukan : PDJB.LSN.400/24/10-150 bertarikh 12 Mac 2019 yang disalinkan kepada kami dan surat kami bertarikh 13 Mac 2019, Rujukan Kami : MPPG:JPPH/SW/2/2.70 Jld (22) adalah berkaitan.

2. Sebagaimana kandungan surat daripada Pejabat Daerah Johor Bahru pihak kami dimaklumkan bahawa permohonan permit hiburan bagi Konsert Maher Zain Malaysia Tour 2019 tuan di Stadium Perbandaran Pasir Gudang, Johor **tidak dapat dipertimbangkan dan seterusnya ditolak** oleh Pejabat Daerah. Sesalinan surat tersebut kami sertakan untuk rujukan pihak tuan.
3. Oleh yang demikian, pihak kami berasa dukacita dan tidak boleh tidak untuk mematuhi arahan melalui surat Pejabat Daerah tersebut di atas yang jelas menyatakan tidak dapat mempertimbangkan dan seterusnya menolak permohonan permit hiburan pihak tuan bagi mengadakan Konsert tersebut di kawasan Pasir Gudang. Rujukan juga dibuat kepada surat kami tersebut diatas dan ianya menjadi *akademik* memandangkan pihak tuan gagal untuk mendapatkan permit hiburan dari Pejabat Daerah.
4. Sepertimana surat kami yang terdahulu jika pihak tuan berniat untuk meneruskan penganjuran konsert ini di kawasan luar Pasir Gudang pihak kami tiada halangan bagi perkara tersebut dan pihak kami akan mengembalikan segala bayaran telah dibuat oleh pihak tuan berkenaan penyewaan Stadium Perbandaran Pasir Gudang dan secara tidak langsung **mengakibatkan terbatalnya segala kolaborasi** yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak melalui surat kami no. rujukan MPPG:JPPH/SW/2/2.70 JLD 9(8) bertarikh 28 Februari 2019.

"GEMILANG, LESTARI, SEJAHTERA"



Certified to ISO 9001:2008
Cert. No. : AP 1003



Certified to ISO 14001:2004
Cert. No. : PQ11051121

Semoga perkara ini berada di dalam makluman dan tindakan pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

"Berkhidmat Untuk Negara"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ZAINOR BIN ADANI)

s.k : Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Johor Bahru



تڤابڤت دايراھ جوھر باھرو

PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU

JALAN DATIN HALIMAH

80350 JOHOR BAHRU, JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon : 07-2231963 (Pejabat Am) / 07-2231969 / 07-2232233 Faks: 07-2231332

Web : <http://pdnj.johor.gov.my> | Emel : pdjb@johor.gov.my



No.Rujukan : PDJB.LSN.400/24/10-150

Tarikh : 12 Mac 2019

Shahul Hameed Bin Shaik Dawood



Tuan,

PERMOHONAN PERMIT HIBURAN BAGI KONSERT MAHER ZAIN MALAYSIA TOUR 2019 DI STADIUM PERBANDARAN PASIR GUDANG, JOHOR.

PEMOHON : SHAHUL HAMEED BIN SHAIK DAWOOD
NO K/P :
ALAMAT PERNIAGAAN : MY EVENTS SDN. BHD
NO.73, JALAN TPK 2/8
TAMAN PERINDUSTRIAN KINRARA,
47100 PUCHONG,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Sebagaimana makluman dan di dalam pengetahuan pihak tuan, bahawa kawasan Pasir Gudang pada masa ini telah menghadapi krisis pencemaran udara yang kronik akibat dari pembuangan sisa toksik secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab. Kesan akibat dari pencemaran tersebut dan atas faktor pencegahan, kawalan serta keselamatan penduduk Pasir Gudang, terdapat sebahagian kawasan Pasir Gudang termasuklah sekolah-sekolah telah diarahkan tutup bagi mengelakkan pertambahan mangsa akibat tragedi yang mana ianya bermula di sekitar Taman Pasir Putih dan kini telah merebak ke kawasan Pasir Gudang.

3. Pembabitan secara langsung dengan orang awam dan udara luar yang tercemar juga akan menyebabkan jangkauan sebaran 'particles' melalui udara untuk lebih mudah sampai kepada orang awam dan seterusnya mengakibatkan keadaan bertambah buruk.

4. Dukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan sepertimana di atas tidak dapat dipertimbangkan dan seterusnya **ditolak**. Oleh itu, pihak tuan tidak dibenarkan menjalankan aktiviti tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI MOHAMMED RIDHA BIN DATO'HAJI ABD KADIR)
Pegawai Daerah,
Johor Bahru.

s.k i) *Ketua Polis Daerah,
Seri Alam,
Polis Diraja Malaysia,
81750 Masai,
Johor.*

ii) *Majlis Perbandaran Pasir Gudang,
Aras 19, Menara Aqabah,
Jalan Bandar,
81700 Pasir Gudang,
Johor.*